Global Competitiveness Report (GCR) adalah laporan tahunan yang diterbitkan oleh *World Economic Forum*. Sejak tahun 2004, GCR meletakkan negara-negara berdasarkan *Global Competitiveness Index* yang dibangunkan oleh Xavier Sala-i-Martin dan Elsa V. Artadi.

Global Competitiveness Index

Global Competitiveness Index adalah indeks yang mengintegrasikan ekonomi makro dan aspek mikro / perniagaan daya saing kepada indeks tunggal.

Graduan

Bilangan graduan yang telah lulus dan menamatkan pengajian dengan sempurna pada akhir sesi pengajiannya. Tahun keluaran merujuk kepada tahun pelajar berkenaan tamat pengajian.

Graduate Employability Management Scheme (GEMS)

Suatu inisiatif bagi melengkapkan siswazah dengan kemahiran dan pengalaman yang bernilai komersial yang seterusnya akan meningkatkan peluang pelajar untuk mendapatkan pekerjaan.

Hadiah Latihan Persekutuan Bagi Kakitangan Bukan Akademik Universiti Awam

Program untuk meningkatkan tahap profesionalisme pentadbir di Universiti Awam yang menyasarkan pegawai-pegawai bukan akademik di Universiti Awam di Gred 41 dan ke atas bagi mengikuti pengajian di peringkat ijazah lanjutan (sarjana dan PhD) di dalam dan luar Negara.

Hadiah Latihan Persekutuan Bagi Pegawai Skim Pendidikan Pengajian Tinggi

Program penajaan bagi Pegawai Skim Pendidikan Pengajian Tinggi bagi meningkatkan kualiti pengajar Politeknik dan Kolej Komuniti

Hasil Pembelajaran

Pernyataan tentang perkara yang pelajar dikehendaki tahu, faham dan boleh lakukan setelah selesai suatu tempoh pengajian.

Higher Education Centre of Excellence (HiCoE)

Program HiCoE memberi penarafan kepada pusat-pusat kecemerlangan (CoE) di IPTA yang berpotensi tinggi untuk dilonjakkan ke peringkat yang lebih tinggi. Program HiCoE akan memupuk CoE untuk mencapai kecemerlangan penyelidikan dalam bidang tujahan melalui pemberian geran penyelidikan dan penetapan Petunjuk Prestasi Utama yang merangkumi pembangunan bakat penyelidikan baru, penerbitan berkualiti tinggi, penajaan harta intelek dan penjalinan jaringan serta kolaborasi bersama institusi penyelidikan tersohor di peringkat antarabangsa. Pencapaian CoE yang diberi penarafan HiCoE dipantau secara berterusan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi bagi memastikan program HiCoE berjaya mencapai matlamat kecemerlangan penyelidikan.

Higher Education Policy Studies (HEPS)

Higher Education Policy Studies bertujuan untuk mengkaji isu-isu dasar dan permasalahan semasa berkaitan Kementerian Pendidikan Tinggi. Menerusi kepakaran penyelidik Institusi Pengajian Tinggi, Politeknik dan Kolej Komuniti, kajian-kajian dasar pendidikan tinggi yang dilaksanakan akan menjadi pemangkin kepada perkembangan ilmu dan penerokaan proses/output yang dapat menyumbang kepada kelestarian pendidikan tinggi.

Hospital Pengajar Universiti (HPU)

Hospital Pengajar Universiti adalah tunggak utama dalam pengajaran perubatan klinikal dan merupakan sumber pembelajaran yang amat penting bagi pelajar-pelajar perubatan.

i-Kad Pelajar Antarabangsa

Kad bagi pelajar antarabangsa yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, mempunyai beberapa ciri-ciri keselamatan seperti tandatangan ketua polis negara dan ketua pengarah imigresen, foto, nombor pasport, tempat serta tempoh pengajian.

Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA)

Suatu nilai yang dilaporkan diakhir semester atau program untuk memperlihatkan pencapaian holistik pelajar dalam menguasai hasil pembelajaran program yang dihasratkan melalui kursus berkredit yang ditawarkan. Pencapaian pelajar dipaparkan melalui kaedah sesawang labah-labah (*spider web*) yang memperlihatkan setiap hasil pembelajaran program dan penglibatan serta pencapaian aktiviti luar kurikulum.

IPTS Formation Management System (IFMS)

IFMS merupakan satu sistem yang menyediakan maklumat atau data berkaitan IPTS termasuk penubuhan, pendaftaran IPTS dan pendaftaran Ketua Eksekutif, kursus pengajian, tenaga pengajar, pelajar, risikan dan laporan. Sistem ini juga merupakan satu *platform* yang menyediakan kemudahan aplikasi online untuk memudahkan permohonan IPTS kepada JPT

Ijazah

Ijazah yang dianugerahkan kepada seseorang di peringkat Sarjana Muda, atau di peringkat Sarjana atau di peringkat Kedoktoran sesudah orang itu mencapai dengan jayanya satu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan ijazah itu atau yang setaraf dengannya

Ijazah Kedoktoran Industri

Program ijazah kedoktoran di mana calon dikehendaki menggunakan kebanyakan masa mereka untuk menjalankan penyelidikan di organisasi atau industri mereka.

Ijazah Kedoktoran Secara Penyelidikan

Program ijazah kedoktoran di mana calon dikehendaki menyumbangkan penyelidikan asli dalam persekitaran penyelidikan.

Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)

Sesuatu institusi pendidikan yang sama ada atau tidak ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan termasuklah institusi pendidikan swasta yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma, ijazah atau yang setaraf dengannya.

Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)

Universiti Awam, Politeknik Dan Kolej Komuniti yang beroperasi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)

Organisasi atau institusi pendidikan, termasuklah Universiti atau Kolej Universiti atau kampus cawangan yang diluluskan dan didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].

Japan Society for the Promotion of Science-Asian Core

Japan Society for the Promotion of Science-Asian Core (JSPS-Asian Core Program) merupakan satu program kolaborasi penyelidikan di peringkat bilateral antara Malaysia dengan Jepun dalam bidang penyelidikan yang canggih dan penting di peringkat antarabangsa. Program ini dijalankan berdasarkan prinsip perkongsian sumber yang seimbang antara institusi Jepun dan institusi Malaysia. Perkongsian sumber ini termasuklah *joint research, seminars and other scientific meetings, and researcher exchanges*.

Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M)

Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) diwujudkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan objektif untuk membantu meringankan perbelanjaan siswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta seluruh negara. KADS1M diberi secara percuma kepada pelajar-pelajar IPT yang menepati kriteria-kriteria. Kriteria tersebut adalah bagi pelajar yang mengikuti pengajian jangka panjang yang tempoh masanya 1 tahun dan ke atas (sijil, diploma, ijazah dan ke atas) dan warganegara Malaysia. Diskaun yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian adalah bagi pembelian barangan dan perkhidmatan terpilih dan tertakluk kepada kadar, terma serta syarat yang ditetapkan oleh syarikat masing-masing.

Kelayakan

Sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan oleh pemberi pendidikan tinggi atau pihak yang diberi kuasa menganugerahi kelayakan dan mengesahkan hasil pembelajaran yang telah dicapai.

Kemasukan

Bilangan pelajar baharu yang mendaftar ke sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi bagi sesuatu sesi pengajian dan seterusnya mengikuti pengajian.

Kemasukan Terbuka

Merujuk kepada syarat kemasukan yang relevan kepada golongan dewasa yang mempunyai pengalaman pembelajaran dan boleh dinilai untuk tujuan kemasukan ke sesuatu program pengajian.

Kesepunyaan (*Commonality*)

Kesepunyaan merujuk kepada keadaan di mana setiap IPT, daripada Universiti Awam dan Swasta, hinggalah ke Politeknik dan Kolej Komuniti, dilihat sebagai ahli-ahli dalam satu ekosistem yang lengkap. Asas

kesepunyaan ini adalah saling hormat-menghormati dan keserakanan (collegiality).

Kolej

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang mengendalikan pendidikan tertiar peringkat sijil, diploma, ijazah pertama dan kelayakan profesional lain.

Kolej Komuniti

Institusi peringkat tertiar yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengendalikan pendidikan, latihan teknik dan vokasional serta menganugerahkan sijil atau diploma. Institusi ini turut mengendalikan latihan jangka pendek mengikut keperluan dan permintaan komuniti setempat.

Kolej Universiti

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang mengendalikan pendidikan peringkat tertiar dalam bidang profesional atau sesuatu bidang pengajian yang khusus serta menganugerahkan ijazah peringkat prasiswazah dan pascasiswazah.

Kredit

Ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu.

Kursus Pengajian

Suatu kursus atau set kursus yang berkaitan dan termasuklah kursus jangka pendek atau jangka panjang yang membawa kepada penganugerahan suatu kelayakan pendidikan tinggi

Laporan Penilaian Kendiri

Satu laporan yang dikemukakan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi untuk menunjukkan sama ada ia telah mencapai standard kualiti bagi tujuan akreditasi penuh program.

Latihan Industri

Penempatan penuntut IPT di sesuatu organisasi bagi menjalankan latihan praktikal yang diselia oleh IPT berkenaan dalam suatu jangka masa tertentu yang menjadi syarat penganugerahan sijil, diploma, ijazah atau kelayakan profesional. Terma ini merangkumi *practicum*, *internship*, penempatan sebagai pekerja pelatih, latihan amali yang dilakukan di firma industri, latihan mengajar, latihan klinikal dan perantis usahawan.

Latihan Kemahiran

Aktiviti yang berasaskan kerja dan berorientasikan industri yang bermatlamat untuk memberikan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang dikehendaki suatu kelayakan pendidikan tinggi

Long-term Research Grant Scheme (LRGS)

LRGS adalah penyelidikan fundamental yang melibatkan skop lebih ekstensif; dan tempoh masa yang panjang serta memerlukan komitmen yang tinggi. LRGS boleh menghasilkan teori dan idea baru yang terkehadapan dalam nisan yang strategik untuk perluasan sempadan ilmu.

Look East Policy (LEP)

Program Kolaborasi Penyelidikan *Look East Policy* merupakan satu program penyelidikan selaras dengan pemeraksanaan pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur Kebangsaan. Program ini bertujuan mempertingkatkan kerjasama penyelidikan antara penyelidik Malaysia dengan penyelidik Jepun atau Korea Selatan dalam usaha memudah cara pemindahan ilmu dan teknologi canggih ke Malaysia.

Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia (MASKOM)

MASKOM ialah badan induk yang merancang dan melaksanakan program sukan utama Kementerian di Kolej Komuniti bagi mencapai Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (DPSIPT).

Majlis Profesor Negara (MPN)

MPN ditubuhkan bagi tujuan untuk mengumpul dan memudahkan pihak kerajaan menggembelng kepakaran akademik dan profesional para profesor, secara kolektif, bagi tujuan membantu program pembangunan dan kemajuan bangsa dan negara. MPN kini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)

Mata Pelajaran Umum (MPU) diperkenalkan bagi menggantikan Mata Pelajaran Wajib (MPW), dan pelaksanaannya diseragamkan di semua IPTA dan IPTS, termasuklah Politeknik. Berbeza dengan MPW, penawaran MPU mengambil kira keperluan pelajar tempatan dan juga pelajar antarabangsa. Bagi melahirkan graduan IPT yang seimbang daripada segi ilmu, keterampilan, akhlak, nilai murni, patriotik serta berdisiplin ke arah pembentukan pembangunan modal insan yang holistik

Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration (MyLAB)

MyLAB ditubuhkan sebagai langkah menyahut hasrat kerajaan untuk meningkatkan jaringan kolaborasi IPT dengan sektor industri. Program ini bertujuan menyasarkan pertumbuhan teknologi dan inovasi tempatan serta pemindahan ilmu dan sumber secara sistematik. Justeru, MyLAB diharap berupaya mempromosi kecemerlangan dalam penyelidikan yang mengembangkan sempadan ilmu, terutama dalam bidang-bidang *cutting edge* khususnya nic yang telah dikenal pasti. Penyelidikan ini bertujuan untuk memantapkan kecemerlangan dalam penciptaan yang inovatif dan terkehadapan dalam nic-nic yang strategik untuk menghasilkan *total solution showcase* yang siap untuk dipasarkan melalui kolaborasi IPT dan industri.

Malaysian Greater Research Network System (MyGRANTS)

MyGRANTS merupakan sistem pengurusan geran-geran penyelidikan serta portal penyelidikan secara atas talian. Projek MyGRANTS ini telah dimulakan pada November 2012 dengan pembangunan dan pelaksanaan sistem FRGS online yang boleh digunakan oleh para penyelidik untuk memohon geran penyelidikan FRGS bermula 20 Disember 2012. Sistem MyGRANTS ini boleh diakses oleh setiap IPTA sistem ini mengguna pakai sistem rangkaian MYREN dan IPTS boleh mengakses sistem ini melalui rangkaian internet biasa.

Malaysian International Scholarship (MIS)

Program penajaan biasiswa antarabangsa bagi menarik minat pelajar dari seluruh dunia untuk menyambung pengajian di Malaysia dalam bidang Ijazah Lanjutan.

Malaysian Research Assessment Instrument (MyRA)

MyRA merupakan instrumen penilaian yang berfokus kepada aktiviti R&D di IPT. MyRA mempunyai dua versi di mana MyRA 1 untuk menilai aktiviti R&D dengan mementingkan input, proses dan output penyelidikan manakala MyRA 2 pula digunakan oleh Universiti Penyelidikan yang lebih berfokus kepada *outcome* dan impak.

Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)

Program penajaan biasiswa yang terbuka kepada pelajar dari negara-negara yang terlibat dengan MTCP untuk menyambung pengajian Ijazah Lanjutan di Universiti Awam dan IPTS.

Malaysian Qualifications Framework (MQF)

Huraian atau deskripsi sistem pendidikan kebangsaan, yang difahami di peringkat antarabangsa, yang menjelaskan semua kelayakan dan pencapaian akademik dalam pendidikan tinggi (pasca sekolah) dan menghubungkan kelayakan-kelayakan ini secara bermakna.

Malaysian Qualifications Register (MQR)

MQR ialah sebuah daftar yang menyenaraikan kesemua kelayakan pendidikan tinggi yang diakreditasi oleh MQA. Kandungan Daftar ini termasuk penerangan tentang program, pemberi pendidikan tinggi, tahap dan tempoh sah laku kelayakan berkenaan. Daftar ini bertujuan membantu pelajar, ibu bapa, majikan, agensi dana dan lain-lain pihak yang berkepentingan memperoleh maklumat yang diperlukan.

Malaysian Quality Evaluation System (MyQUEST)

MyQUEST merupakan sistem penilaian yang akan mengukur tahap kualiti pendidikan keseluruhan kolej swasta yang berdaftar dan pengukuran penarafan dibuat berdasarkan penilaian laporan kolej, laporan kluster dan laporan pelajar antarabangsa yang bertujuan meningkatkan kualiti IPT negara. Penilaian ini membolehkan sesuatu kolej memperoleh *star rating* tertentu berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Malaysian Research & Education Network (MYREN)

MYREN merupakan rangkaian berprestasi tinggi yang memberikan infrastruktur rangkaian termaju khusus yang berpotensi untuk kolaborasi global termaju dalam bidang pendidikan dan penyelidikan. MYREN berhubung dengan semua universiti, universiti swasta, semua politeknik, kolej komuniti, sebuah hospital dan beberapa institut penyelidikan di negara ini. Kesemua penyelidik dan pendidik yang dihubungkan dengan MYREN akan berupaya untuk berkomunikasi dan menjalin kolaborasi dalam ruang kerja maya dengan rakan kerja dalam dan luar negara dengan lebih berkesan dan pantas.

Malaysia Research University Network (MRUN)

MRUN terdiri daripada lima buah universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) and Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Ia bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pembelajaran dan pengajaran atau kaedah melalui teknologi di universiti dan menjalankan aktiviti penyelidikan yang mendalam.

Matlamat Program

Satu pernyataan menyeluruh tentang tujuan, falsafah dan rasional dalam penawaran sesuatu program.

Modul

Komponen-komponen sesuatu program. Istilah modul digunakan secara bertukar ganti dengan istilah-istilah mata pelajaran, unit atau kursus.

Modular Kolej Komuniti

Program penajaan Sijil Modular Kebangsaan (SMK) yang menggantikan Sijil Kolej Komuniti (SKK) yang dilaksanakan mulai tahun 2011 sebagai menyokong program Pembelajaran Sepanjang Hayat.

MyBrain15

MyBrain15 merupakan satu program pembiayaan pengajian di peringkat pascaijazah. Matlamat program adalah untuk mewujudkan kelompok sumber manusia yang berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Pelaksanaan program ini akan dapat membangunkan first world talent base yang akan menjadi salah satu inisiatif untuk memacu Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Program-program yang dilaksanakan menerusi Program MyBrain15 adalah MyPhD, MyMaster, MyPhD Industri dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI).

MyBrainSc

MyBrainSc terbuka kepada warganegara Malaysia yang mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama dan pasca ijazah sepenuh masa dalam bidang Sains Tulen (Fizik, Kimia, Matematik, dan Biologi) di IPTA atau Universiti terkemuka dunia atau yang bertaraf ivy league. Program ini merupakan salah satu agenda Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mencapai matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan menghasilkan saintis-saintis muda yang berjiwa besar dan berani menyahut cabaran menghasilkan cendekiawan yang bertaraf dunia dan akhirnya diiktiraf sebagai Nobel Laureate.

MyCCSkills

Pertandingan Kemahiran Kolej Komuniti Malaysia (MyCCSkills) merupakan pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi untuk mengenalpasti dan mengetengahkan pelajar Kolej Komuniti yang berkemahiran dalam bidang kemahiran yang

dipelajari di Kolej Komuniti. Seterusnya pemenang yang layak akan dicalonkan untuk ke pertandingan diperingkat yang seterusnya samada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

MyCite

MyCite menyediakan laporan sitasi dan bibliometrik penyelidik, jurnal dan institusi di Malaysia. MyCite merangkumi semua bidang di dalam Kejuruteraan, Perubatan, Sains (EMS) dan Seni & Kemanusiaan dan Sains Sosial (AHSS). Sistem ini mempunyai pautan ke MyJurnal, Sistem Pengurusan Jurnal Malaysia, untuk mengekstrak data bibliografik bagi paparan dan analisis bibliometrik.

MyJMS

MyJMS merupakan sistem pengurusan jurnal berasaskan *Open Journal System*, dari *Public Knowledge Project* untuk kegunaan editor jurnal di Malaysia. Editor boleh menggunakan sistem ini untuk menguruskan semua proses penilaian artikel secara atas talian. Buat masa sekarang perkhidmatan ini adalah secara percuma kepada semua jurnal-jurnal tempatan.

MyJurnal

Sistem MyJurnal digunakan untuk memuat naik dan mengindeks jurnal-jurnal tempatan. MyJurnal mengandungi data bibliografik dan kandungan teks penuh artikel-artikel yang diterbitkan di jurnal ilmiah berwasit di Malaysia, di dalam pelbagai bidang yang merangkumi Kejuruteraan, Perubatan, Sains dan Seni & Kemanusiaan dan Sains Sosial.

MyMaster

MyMaster diwujudkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) menerusi Program MyBrain15 bagi membiayai pengajian di peringkat Ijazah Sarjana. Program ini merupakan feeder kepada MyPhD. Objektif MyMaster adalah untuk merangsang dan menggalakkan graduan yang berkaliber meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi dalam bidang-bidang yang penting selaras dengan agenda pembangunan negara. Ianya sekaligus dapat membangun dan mengekalkan modal insan serta menjayakan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi.

MyMoheS

MyMoheS adalah merupakan sistem pengumpulan data berpusat Universiti Awam yang dilaksanakan bermula tahun 2008. Maklumat yang dikumpul melalui sistem MyMoheS merangkumi maklumat Pelajar, Staf, Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan (R&D&C) serta Maklumat Institusi. Pengumpulan modul Pelajar dilaksanakan secara dua kali setahun iaitu pada bulan Mac dan bulan September setiap tahun. Manakala pengumpulan bagi modul Staf, R&D&C dan Maklumat Institusi dilaksanakan pada 30 Jun dan 31 Disember setiap tahun.

MyPhD

MyPhD merupakan salah satu Program MyBrain15 yang menyediakan pembiayaan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran untuk mencapai sasaran 60,000 pemegang PhD dari kalangan rakyat Malaysia menjelang

tahun 2023 selaras dengan agenda "Malaysia sebagai Pusat kepada Perkembangan Pengetahuan dan Inovasi". Objektif program ini adalah untuk meningkatkan jumlah kumpulan tenaga kerja profesional tempatan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi berteraskan inovasi dan kreativiti yang mampu menjana pertumbuhan sektor ekonomi dan industri tempatan. Program ini merupakan insentif yang diberikan Kerajaan dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota masyarakat seiring dengan matlamat pembangunan ekonomi negara di bawah Model Baru Ekonomi (MBE) iaitu ekonomi berteraskan inovasi.

MyPhD Industri

MyPhD Industri memberi tumpuan kepada para profesional dan pengamal industri dalam menghasilkan inovasi dan meningkatkan daya saing melalui penyelidikan berasaskan industri. Program ini adalah insentif Kerajaan untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan antara pengamal industri dan ahli akademik dalam melahirkan profesional yang berpengetahuan tinggi. Pemohon yang berjaya akan dibiayai pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran.

MyRID

Identiti Penyelidik Malaysia (MyRID) merupakan sistem yang memberikan akses kepada maklumat bibliografi dan sitasi daripada penerbitan ilmiah yang diterbitkan oleh pengarang individu atau penyelidik tempatan dalam pelbagai bidang.

MyTrack

MyTrack merupakan satu sistem pengesanan pergerakan dokumen permohonan yang diterima oleh IPTS untuk kelulusan pihak atasan JPT

Niche Research Grant Scheme (NRGS-KPT)

Dana khas yang bertujuan untuk membantu melonjakkan dan membangunkan bidang tujahan (Niche) penyelidikan bagi setiap Universiti Awam berstatus Universiti Komprehensif dan Universiti Komprehensif Berfokus. Di samping itu, NRGS-KPT ini akan menjadikan setiap Universiti Awam tersebut unik dan mempunyai kekuatan tersendiri. Setiap Universiti komprehensif dan komprehensif berfokus akan diberi tanggungjawab untuk menentukan hala tuju, strategi dan pengurusan penyelidikan dan inovasi supaya lebih berkesan dan berimpak tinggi.

Objektif Program

Pernyataan-pernyataan tentang apa yang harus dipelajari oleh seseorang pelajar untuk mencapai matlamat program.

Paten

Paten adalah satu hak eksklusif yang diberikan terhadap suatu reka cipta, sama ada satu produk ataupun proses untuk menghasilkan cara baru bagi membuat sesuatu, atau pun untuk penyelesaian teknikal bagi sesuatu masalah. Paten dilindungi di bawah Akta Paten 1983 dan perlindungan paten adalah selama 20 tahun dari tarikh pemfailan permohonan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 [PPPM(PT)]

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 menggariskan 10 Lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Lonjakan ini akan mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi. Lonjakan ini juga akan menjelaskan kaedah untuk menangani isu berkaitan prestasi utama sistem, terutamanya kualiti dan kecekapan serta pengaruh persekitaran global yang semakin mencorakkan landskap pendidikan tinggi.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dibentuk berdasarkan Teras 2 dalam Rancangan Malaysia ke-9, bahawa untuk mencapai Wawasan 2020, negara perlu meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Dokumen ini menterjemahkan hala tuju pendidikan tinggi negara untuk masa hadapan dan memberikan penekanan kepada pembangunan modal insan dan modal intelek berkualiti bagi mendukung dan menjayakan aspirasi negara untuk menjadi maju, makmur dan kompetitif.

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

Pembelajaran Sepanjang Hayat merupakan saluran pembelajaran sepanjang hidup utama bagi seseorang individu, sehaluan dengan sistem pendidikan negara dari peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, prauniversiti dan seterusnya pendidikan tinggi. Program PSH adalah agenda utama negara dalam pembangunan modal insan. Berdasarkan Pelan Induk PSH untuk Malaysia 2011-2020, fokus diberi kepada kumpulan peserta yang berumur antara 15 hingga 64 tahun memandangkan kumpulan tersebut merupakan golongan rakyat yang masih aktif dan produktif bagi memaju dan membangunkan ekonomi negara.

Pemberi Pendidikan Tinggi

Sesuatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau kumpulan orang lain yang mengendalikan program pendidikan tinggi atau latihan termasuk program latihan kemahiran yang membawa kepada penganugerahan kelayakan pendidikan tinggi atau yang menganugerahkan kelayakan pendidikan tinggi dan termasuklah pemberi pendidikan tinggi awam atau swasta, badan peperiksaan atau pensijilan atau wakil cawangannya.

Pemindahan Kredit

Pengiktirafan kredit yang diperoleh dalam program diakredit bagi maksud memindahkan kepada program diakredit yang lain.

Pendidikan Fleksibel

Pendidikan Fleksibel merupakan masa depan pendidikan tinggi negara dan membawa maksud akses pendidikan pada bila-bila masa, tanpa mengira tempat dan untuk semua lapisan masyarakat. Pendidikan fleksibel adalah bersifat antara-bidang (*interdisciplinary*), antara-universiti & pelbagai-IPT (*interuniversity*), bersifat tempatan dan juga antarabangsa (*localised yet globalised*), membenarkan mobiliti pelajar dan pendidik dan membenarkan

pengiktirafan bersama bagi kursus oleh pelbagai IPT. Pendidikan fleksibel mengiktiraf pendekatan pembelajaran di alam maya (MOOCs) dan pembelajaran secara bersemuka (*face-to-face*).

Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH)

PISH ialah penerapan nilai-nilai murni dalam masyarakat secara berterusan. Ia merupakan satu inisiatif untuk masyarakat selepas pendidikan rasmi mereka di peringkat sekolah menengah. PISH menggabungkan latihan kemahiran dan pendidikan agama untuk melahirkan modal insan yang seimbang.

Penilaian Formatif

Penilaian kemajuan seseorang pelajar sepanjang kursus, di mana segala maklum balas dari aktiviti pembelajaran digunakan untuk menambah baik pencapaian pelajar berkenaan.

Penilaian Sumatif

Satu ringkasan penilaian kemajuan pembelajaran seseorang pelajar pada sesuatu jangka masa tertentu dan digunakan untuk penggredan kursus pelajar berkenaan.

Peningkatan Kualiti

Langkah-langkah yang diambil untuk memastikan penambahbaikan kualiti secara berterusan.

Pengalaman Pembelajaran Pelajar

Keseluruhan pengalaman pendidikan seseorang pelajar semasa mengikuti sesuatu program.

Pengakreditan Pengalaman-Pengalaman Terkumpul

Proses pengesahan ke atas pencapaian satu set hasil pembelajaran individu yang dicapai pembelajaran formal, tidak formal atau informal, tanpa mengira masa dan tempat.

Penghurai Kelayakan

Pernyataan generik yang menjelaskan hasil pembelajaran utama bagi kelayakan-kelayakan pada tahap tertentu.

Penyedia Latihan Kemahiran

Sesuatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau kumpulan orang lain yang mengendalikan program latihan kemahiran yang membawa kepada suatu kelayakan pendidikan tinggi.

Perakuan Akreditasi

Merupakan satu perakuan rasmi bahawa sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan kepada graduan mencapai standard kualiti dan kriteria yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia dan adalah selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia.

Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA)

PECIPTA merupakan aktiviti dwi tahunan Kementerian sejak tahun 2001 yang dianjurkan secara bergilir di kalangan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan. PECIPTA merupakan salah satu platform ke arah mempertingkatkan aktiviti Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) di IPT serta menggalakkan jaringan dan kerjasama strategik antara IPT dengan industri dan antarabangsa.

Politeknik

Institusi pendidikan peringkat tertiar yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengendalikan pendidikan teknik dan vokasional serta menganugerahkan sijil dan diploma.

Politeknik Premier

Institusi pendidikan yang menerima pelajar cemerlang lulusan SPM bagi pendidikan teknik dan vokasional. Politeknik premier merupakan institusi yang menuju ke arah penganugerahan ijazah dan diploma lanjutan.

Politeknik Konvensional

Institusi pendidikan yang menerima pelajar lulusan SPM bagi pendidikan teknik dan vokasional dan menawarkan program pengajian di peringkat sijil dan diploma.

Politeknik Metro

Institusi pendidikan yang melaksanakan program membabitkan bentuk perkhidmatan. Ia terbuka kepada golongan yang mahu menyambung pengajian sepenuh masa dan separuh masa dan terbuka juga kepada golongan yang bekerja.

Profesor (*Professor*)

Profesor merupakan tenaga akademik yang paling tinggi taraf jawatannya, biasanya mengetuai sesebuah jabatan pengajian di universiti atau pusat pengajian tinggi

Profesor Adjung

Profesor adjung merupakan gelaran kehormat kepada profesional, tokoh korporat dan sebagainya yang mempunyai kepakar-an dan berpengalaman luas dalam sesuatu bidang, yang dilantik sebagai tenaga pengajar sambilan di institusi pengajian tinggi

Profesor Diraja

Profesor diraja merupakan gelaran tertinggi yang dianugerahkan kepada seseorang profesor oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong

Profesor Emeritus (*Professor Emeritus*)

Profesor emeritus merupakan gelaran kepada profesor yang telah bersara sebagai suatu penghormatan.

Profesor Madya (*Associate Professor*)

Profesor madya merupakan pensyarah yang tarafnya di bawah profesor di universiti

Profesor Pelawat (*Visiting Professor*)

Profesor pelawat merupakan profesor yang diundang mengajar dan sebagainya di universiti lain (biasanya di luar negara) untuk suatu tempoh masa tertentu

Program

Apa-apa penyusunan sesuatu kursus pengajian yang distrukturkan atau dirancang supaya mencapai hasil pembelajaran yang membawa kepada penganugerahan suatu kelayakan pendidikan tinggi.

Program Advanced Diploma/Profesional Certificates Bagi Pegawai Skim Pendidikan Pengajian Tinggi

Program untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran Pegawai Skim Pendidikan Pengajian Tinggi di Politeknik dan Kolej Komuniti terutamanya dalam bidang-bidang kritikal yang dikenal pasti. Bidang yang diikuti ialah kursus-kursus kritikal oleh badan profesional melalui kerjasama dengan IPTS terpilih. Tempoh kursus adalah dari 3 hingga 12 bulan.

Program Diploma Keusahawanan Pasca-Siswazah

Penajaan diberikan kepada pensyarah Universiti Awam/Politeknik/Kolej Komuniti bagi Program Diploma Keusahawanan Pasca-Siswazah pengajian secara separuh masa di Cambridge Judge Business School, United Kingdom yang menjurus kepada perkongsian pengalaman keusahawanan, pembinaan budaya dan kemahiran keusahawanan, mempergunakan inovasi keusahawanan, membangunkan dan mengembangkan sektor industri baru serta membina rangkaian kerjasama global.

Program Internship Kolej Komuniti-MMC-Gamuda

Program internship Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti dengan kerjasama MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd pada tahun 2013 yang menawarkan program perintis internship bagi kursus Tunnel Mechanic dan Tunnel Electrician. Seramai 17 pelajar perintis (10 dari Kolej Komuniti Sabak Bernam dan 7 daripada Kolej Komuniti Kuantan), telah menjalani program ini selama 3 semester bagi melengkap tempoh pengajian selama 2 tahun untuk memperolehi Sijil Kolej Komuniti. Sesi pembelajaran di Akademi Latihan Terowong MMC-Gamuda di Kota Kemuning melibatkan subjek elektrik dan mekanikal. Akademi ini khas ditubuhkan untuk memenuhi keperluan kemahiran terowong dan kepakaran bagi projek Mass Rapid Transit (MRT).

Program Post Graduate Diploma In Entrepreneurship

Program Diploma Keusahawanan Pasca Siswazah ini merupakan pengajian secara sepenuh/separuh masa di institusi dalam dan luar negara yang menjurus kepada perkongsian pengalaman keusahawanan, pembinaan budaya dan kemahiran keusahawanan, mempergunakan inovasi keusahawanan, membangunkan dan mengembangkan sektor industri baharu serta membina rangkaian kerjasama global.

Program Penajaan Kemudahan Cuti Belajar Bagi Pegawai Skim Pendidikan Pengajian Tinggi

Kemudahan Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) bagi Pegawai Skim Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH29/32/34 bagi mengikuti pengajian di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan.

Program Penajaan Pasca Kedoktoran

Program Penajaan Pasca Kedoktoran adalah dibuka kepada tenaga pengajar akademik di Universiti Awam untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Lanjutan.

Program Penajaan Sub Kepakaran

Program Penajaan Sub Kepakaran adalah dibuka kepada tenaga pengajar akademik di Universiti Awam untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Lanjutan.

Program Pendidikan Khas (PPK)

Bantuan kewangan kepada pelajar OKU bagi mengikuti pengajian secara sepenuh masa di Politeknik dan Kolej Komuniti.

Prototype Development Research Grant Scheme (PRGS)

Dana yang diwujudkan bagi pembangunan prototaip untuk merapatkan jurang antara penemuan makmal/penyelidikan sehingga sebelum pra pengkomersialan. Ini termasuk pembuktian konsep (*proof of concept*), penilaian (*evaluation*), skala naik (*up-scaling*), ujian pra-klinikal (*pre-clinical testing*) dan ujian lapangan (*field testing*).

Public-Private Research Network (PPRN)

Inisiatif inovatif KPT bagi menggalakkan program inovasi yang berasaskan permintaan dalam memacu peningkatan produktiviti serta mengukuhkan pembangunan ekonomi Malaysia. Objektif PPRN ialah untuk mewujudkan *knowledge-friendly-ecosystem* dimana pengetahuan dihasilkan dan disebarkan daripada mereka yang mempunyainya kepada mereka yang memerlukan pengetahuan tersebut.

Research Acculturation Collaboration Effort (RACE)

Dana RACE merupakan inisiatif untuk membantu bukan Universiti Penyelidikan (Rakan RU) meningkatkan budaya penyelidikan dan seterusnya dapat meningkatkan output hasil penyelidikan. Usaha ini dapat mempercepatkan Rakan RU untuk mencapai tahap setanding dengan RU yang lain.

Research Acculturation Grant Scheme (RAGS)

RAGS ialah dana tunas yang bertujuan untuk membudayakan penyelidikan di kalangan penyelidik muda di Universiti Awam bukan Universiti Penyelidikan sebagai persediaan untuk membangunkan prestasi penyelidikan supaya dapat berdaya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

QS World University Rankings

Ranking keseluruhan universiti-universiti seluruh dunia yang dilaksanakan secara tahunan. Terdapat 2 kategori penilaian iaitu secara *global* dan *regional*. Ranking ini menjadi petanda aras bagi KPT bagi menilai pencapaian universiti-universiti di seluruh Malaysia dalam pendidikan tinggi di peringkat dunia.

Quality Assurance (QA)

Merangkumi tindakan-tindakan sistematik dan terancang (dasar, strategi, sikap, prosedur dan aktiviti) bertujuan menunjukkan sejauh mungkin bahawa kualiti dicapai, dipertahan dan dipertingkatkan, selaras dengan standard khusus pengajaran, kesarjanaan dan penyelidikan dan juga pengalaman pembelajaran pelajar.

Quadruple Helix

Konsep lingkaran 4 pihak (*Quadruple Helix*) sebagai teras petunjuk prestasi utama (KPI) bagi penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R,D,C&I) di IPT. Melalui konsep ini, terdapat 4 pihak terlibat secara langsung sebagai teras KPT iaitu Kerajaan, Akademia, Industri dan Komuniti.

Rubrik

Alat skor/penggredan yang mengandungi senarai kriteria dan standard tanda aras dan digunakan untuk pemberian skor/gred bagi tugas pentaksiran atau hasil pembelajaran. Ia memerihalkan kualiti prestasi bagi setiap gred bermula daripada kualiti terbaik hinggalah kualiti yang munasabah dan seterusnya kualiti yang amat rendah untuk setiap kriteria atau setiap satu hasil pembelajaran. Pemerihal ini dapat membantu dan memandu pelajar mengenal pasti kelemahan dan kekurangan hasil kerja atau tugas mereka sementara untuk staf akademik pula ia meyakinkan mereka menskor dan memberi gred kepada hasil kerja pelajar.

Science and Technology Research Partnership for Sustainable Development (SATREPS)

Program Kerjasama Teknikal Sains dan Teknologi Malaysia-Jepun merupakan satu program kolaborasi penyelidikan dan bantuan teknikal di peringkat bilateral antara Malaysia dengan Jepun. Program ini terdiri daripada dua kategori iaitu *Science & Technology Research Partnership for Sustainable Development (SATREPS)* yang lebih berbentuk kolaborasi penyelidikan dan Kerjasama Teknikal (*Technical Cooperation*) di mana pihak Jepun akan memberikan bantuan teknikal dari segi pertukaran pakar, latihan, peralatan dan khidmat rundingan kepada negara penerima. Sehubungan ini, bantuan yang diberikan oleh pihak Jepun adalah dalam bentuk *Official Development Assistance (ODA)* yang diurus industri oleh *Japan International Cooperation Agency (JICA)* bagi keperluan negara penerima dan *Japan Science and Technology Agency (JST)* bagi keperluan industri Jepun. ODA ini bertujuan menyumbang kepada manfaat kebangsaan bilateral. Projek-projek SATREPS dilaksanakan melalui kaedah *matching grant* dan boleh disertai oleh pihak industri atau organisasi antarabangsa.

Sijil

Sijil yang dianugerahkan kepada seseorang sesudah orang itu mencapai dengan jayanya suatu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan sijil itu atau yang setaraf dengannya.

Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)

SKPG atau *Tracer Study* merupakan kajian bagi mengukur tahap kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan serta persepsi mereka terhadap keberkesanan program akademik dan sistem penyampaian di institusi masing-masing. Kajian dijalankan secara atas talian dan bersempena dengan musim konvokesyen masing-masing di IPT. Tempoh lazim antara tarikh tamat pengajian dengan tarikh menghadiri konvokesyen ialah 3 hingga 6 bulan.

Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)/Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI)

Skim latihan ini terbuka kepada tenaga pengajar akademik di Universiti Awam bagi melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Lanjutan.

Skim Simpanan Pendidikan Nasional Berlandaskan Syariah (SSPN-i)

Satu skim atau instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi. Skim yang ditawarkan adalah patuh Syariah yang menggunakan konsep "*Wakalah Bil Istithmar*" di mana pendeposit melantik PTPTN untuk menguruskan deposit mereka bagi tujuan pelaburan.

SSPN-i Plus

Satu skim penabungan yang mudah beserta perlindungan takaful yang komprehensif yang diuruskan oleh PTPTN. Pelan takaful ini ditaja jamin oleh Hong Leong MSIG Takaful, sebuah syarikat pengendali takaful yang mampu menyediakan perkhidmatan yang terbaik.

Swaakreditasi

Suatu pengiktirafan rasmi yang diberikan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi dalam bentuk perakuan yang dikeluarkan oleh agensi di bawah subseksyen 61(2), Akta Agensi Kelayakan Malaysia.

Sydney Accord

Perjanjian bagi pendidikan tertiar dalam bidang kejuruteraan. Perjanjian antarabangsa ini adalah di kalangan badan-badan yang bertanggungjawab untuk program *Engineering Technologist* atau *Incorporated Engineers* yang telah ditandatangani pada Jun 2001.

Tahap Kelayakan

Merupakan peringkat anugerah yang dihuraikan dengan hasil-hasil generik atau penghurai kelayakan yang mencirikan kelayakan tipikal.

Tahap Kerangka Kelayakan Malaysia

Peringkat anugerah yang dihuraikan dengan hasil-hasil generik atau penghurai kelayakan yang mencirikan kelayakan tipikal.

Tabung Pinjaman Pelajaran

Tabung Pinjaman Pelajaran merupakan satu Kumpulan Wang Amanah Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Kewangan 1957. Pinjaman ini diberikan kepada pelajar Kolej Komuniti di peringkat sijil dan diploma.

Tesis

Dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh calon bagi penganugerahan ijazah kedoktoran secara penyelidikan dan mod campuran.

Titik Rujukan

Penunjuk tidak preskriptif yang menjelaskan hubungan kait antara kelayakan, hasil pembelajaran dan/atau konsep lain yang berkaitan untuk membolehkan individu maju dari satu kelayakan ke kelayakan yang lain.

Trans Disciplinary Research Grant Scheme (TRGS)

Penyelidikan ini merupakan penyelidikan asas dan eksploratori yang boleh menghasilkan teori, konsep dan idea baru demi perkembangan ilmu. Penyelidikan ini bertujuan untuk melonjakkan penjana teori, konsep dan idea baru yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baru yang menerobos sempadan ilmu dan penciptaan inovatif.

University Transformation Programme (UniTP)

Salah satu daripada 5 inisiatif keutamaan (*Priority Initiatives*) dalam PPPM(PT). Program ini diterjemahkan melalui penghasilan 5 buah Buku Panduan UniTP sebagai panduan dan rujukan kepada universiti. Buku-buku tersebut ialah *Enhancing Governance and Board Effectiveness*; *Improving Academic Productivity and Cost Efficiency*; *Strengthening Performance Management and Financial Reporting*; *Strengthening career pathways and Leadership Development*; dan *Establishing Alternative Income Sources including Endowment/Waqf*.

Universitas 21 (U21)

Sebuah jaringan universiti penyelidikan pada abad ke-21 dengan 26 orang ahli yang mendaftarkan lebih 1.3 juta pelajar dan menggajikan lebih 220,000 staf. Indeks U21 membandingkan sistem pendidikan tinggi di 50 buah negara. Laporan ranking U21 dinilai berdasarkan empat kategori: sumber, persekitaran, kesalinghubungan (*connectivity*) dan output.

Viva Voce

Pertahanan secara lisan bagi disertasi/tesis program.

Wang Pendahuluan Pembiayaan

Wang Pendahuluan Pembiayaan berjumlah RM1,500.00 bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan pelajar dalam menyediakan kelengkapan diri sebelum mendaftar di IPTA dan Politeknik. Mulai Jun 2010, kemudahan WPP turut diperluaskan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di Politeknik.

WorldSkills Malaysia Kategori Belia (WSMB)

Pertandingan WorldSkills Malaysia Kategori Belia (WSMB) atau dahulunya dikenali sebagai Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) adalah satu pertandingan kemahiran yang diadakan setiap tahun bertujuan untuk memilih dan mengiktiraf pelatih dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran yang unggul. Pertandingan ini akan dijalankan melalui dua peringkat iaitu peringkat pra-kelayakan dan akhir. Ia akan dapat membantu meningkatkan tahap kemahiran sumber manusia di Malaysia yang bertaraf dunia. Selain itu, ia dapat memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang pentingnya bidang kemahiran kepada pembangunan negara.

World Skills Competition (WSC)

World Skills Competition (WSC) adalah pertandingan peringkat antarabangsa dimana para belia dari seluruh negara bertanding bagi mencari peserta terbaik di dalam bidang masing-masing. Dahulunya dikenali sebagai Skills Olympics, pertandingan dwi-tahunan tersebut telah pertama kalinya diadakan di Sepanyol pada 1946 dan Malaysia mula menyertai World Skills Competition pada tahun 1993, iaitu WSC yang ke-32. Pada hari ini, World Skills Competition disertai lebih 50 negara dengan pertandingan meliputi 45 pelbagai bidang kemahiran seperti Welding, Beauty Therapy, Floristry, Mechatronics dan sebagainya.

WorldSkills Malaysia Kategori Pengajar (WSMP)

Pertandingan WorldSkills Malaysia Kategori Pengajar (WSMP) atau dahulunya dikenali Pertandingan MySkills merupakan satu pertandingan kemahiran untuk meningkatkan kekompetenan dan daya saing di kalangan pengajar kemahiran awam dan swasta. Dengan adanya pertandingan ini, pengajar dapat bersaing secara sihat untuk menunjukkan kemahiran yang terbaik di samping mendapat pengiktirafan dan ganjaran yang ditawarkan. Pengajar juga mendapat pendedahan dari segi teknologi dan kurikulum yang terkini selaras dengan kemahiran di peringkat dunia.

Washington accord

Perjanjian bagi pendidikan tertiar dalam bidang kejuruteraan. Perjanjian Washington Accord ditandatangani pada tahun 1989. Ia merupakan satu perjanjian antarabangsa di kalangan badan-badan yang bertanggungjawab untuk program ijazah kejuruteraan yang mendapat akreditasi. Ia mengiktiraf kesetaraan bagi program yang diiktiraf oleh badan-badan dan yang mencadangkan bahawa graduan program ini diiktiraf oleh mana-mana badan-badan penandatanganan yang diiktiraf oleh badan-badan lain yang telah memenuhi keperluan akademik untuk pengamal kejuruteraan.